

11/04/1998

PKAUM tolak laluan baru Kerinchi Link

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) tidak bersetuju dengan laluan baru Lebu Raya Kerinchi Link yang diumumkan Kabinet kelmarin kerana ia masih membabitkan kawasan sekitar Universiti Malaya (UM).

Presiden PKAUM, Prof Madya Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir, berkata lebu raya itu bukanlah alternatif terbaik untuk menguraikan trafik di Kuala Lumpur kerana ia adalah rancangan jangka pendek.

"Dalam soal ini, PKAUM percaya pembinaan lebu raya itu adalah bermotifkan hanya keuntungan," katanya.

Menurutnya, masalah trafik di Kuala Lumpur tidak akan selesai walaupun pelbagai cara sudah diambil.

Beliau berkata, PKAUM percaya pembinaan lebu raya itu akan memusnahkan kawasan lembah hijau di sepanjang sempadan UM dan Bukit Pantai.

"PKAUM sudah menghubungi pejabat Perdana Menteri dua minggu sebelum Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri mesyuarat Asia-Eropah (Asem) bagi membincangkan cara terbaik menyelesaikan masalah ini," katanya.

Mahadzir berkata, beberapa mahasiswa sedang mengkaji masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Pantai serta kawasan berhampiran dan PKAUM yakin projek LRT dapat menyelesaikan masalah kesesakan di tempat itu.

Semalam, Kementerian Pendidikan memberi jaminan projek Kerinchi Link tidak akan membelakangkan keselesaan masyarakat kampus.

Laluan baru yang diumumkan Kabinet itu akan melalui kawasan antara Masjid Ar-Rahman dan bangunan Pandu Puteri berhampiran pintu masuk UM merentasi persimpangan Lingkungan Budi dan menyusur sempadan UM.

Sementara itu, Jawatan Kuasa Masjid Ar-Rahman gembira dengan keputusan Kabinet mengalihkan laluan lebu raya itu.

Imam Masjid Ar-Rahman, Shihabuddin Alang Mat Piah, berkata keputusan mengubah laluan itu melegakan penduduk sekitar Kerinchi dan Bukit Pantai.

"Bagaimanapun, keputusan menerima atau tidak cadangan itu akan dikemukakan selepas Kabinet memaklumkan pelan sebenar bagi projek itu," katanya.

Menurutnya, setakat ini pihak masjid hanya mendapat tahu mengenai laluan baru itu melalui media.

Shihabuddin berkata, jika laluan baru itu tidak mengganggu keselamatan dan keselesaan di masjid itu, pihaknya akan memberikan kerjasama dan sokongan padu.

"Kita bukanlah antipembangunan, tetapi Kabinet perlu lebih rasional supaya tidak mengganggu keharmonian masyarakat dan tempat ibadat," katanya.

Beliau berkata, cadangan baru yang dikemukakan itu tidak membabitkan tanah Masjid Ar-Rahman.

(END)